

23 AUG 1998

Singapura-Malaysia

RAKAN KONGSI DAN JUGA PENYAING, KATA GOH

SINGAPURA, 23 Ogos (Bernama) -- Singapura menganggap Malaysia sebagai penyaing dalam banyak bidang dan ia mengalu-ngalukan saingan sihat, kata Perdana Menteri Goh Chok Tong malam ini.

Dalam ucapannya pada Perhimpunan Hari Kemerdekaan negara ini di sini, beliau berkata Singapura dan Malaysia adalah rakan kongsi dan juga penyaing.

"Tetapi, dalam ekonomi global yang dinamik, penyaing kita yang paling kuat bukan sesama sendiri tetapi dunia luar," katanya.

Goh berkata ekonomi Singapura berkait rapat dengan ekonomi Malaysia sehinggakan "sekiranya Malaysia menghadapi masalah serius, Singapura juga akan turut merasai kesannya".

Malaysia ialah rakan dagang Singapura terbesar dan Singapura pula ialah rakan dagang Malaysia yang ketiga besar.

Malaysia juga ialah destinasi utama pelaburan luar Singapura dengan jumlah sebanyak lebih daripada S\$10 bilion.

"Kemelesetan di Malaysia bermakna pulangan dan peluang-peluang yang berkurangan untuk para pelabur Singapura," katanya.

Beliau juga menyifatkan dakwaan bahawa Singapura gembira kerana Malaysia dilanda kegawatan ekonomi atau Singapura mensabotaj Malaysia sebagai tohmahan.

Memandangkan kepada krisis ekonomi yang melanda rantau ini sekarang, Goh berkata Malaysia tidak mahu melihat Malaysia jatuh, tetapi mahu melihat Malaysia pulih dengan segera.

Mengenai hubungan dua hala, Goh berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebanyak lima kali dalam masa empat bulan tahun ini untuk meningkatkannya.

Hubungan menjadi baik buat sementara, katanya tetapi hubungan sekarang berubah "daripada musim panas kepada musim sejuk" kerana beberapa isu yang timbul dan menyebabkan ketegangan.

Isu-isu itu termasuk termasuk KIK (pusat Kustam, Imigresen dan Kurantin) di Tanjong Pagar, pengeluaran CPF (Tabung Simpanan Pekerja), dan CLOB International - pasaran di atas kaunter yang kebanyakannya menguruskan saham Malaysia.

"Sebagai jiran terdekat, Singapura dan Malaysia tidak akan mempunyai persamaan pendapat dalam semua isu," kata Goh.

"Apabila hubungan tegang, kita perlu tanganinya dengan rasional dan waras," katanya.

Goh, yang bercakap dalam bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris, berkata akan melaksanakan bahagiannya dalam mewujudkan hubungan yang membina dengan Malaysia berasas kepada saling mendapat faedah dan hormat menghormati.

Beliau berkata kedua-dua negara telah mendapat faedah daripada hubungan perdagangan dan pelaburan yang baik, serta hubungan dari segi pelancongan.

"Lebih banyak kemajuan dicapai Malaysia, lebih baik untuk Singapura. Kita juga mendapat faedah daripada optimisme dan keyakinan diri mereka (Malaysia) kerana ini membuka lebih banyak peluang untuk bekerjasama," katanya.

"Tetapi, kita perlu menerima keadaan panas dan sejuk dalam hubungan kita dengan Malaysia. Berlakunya masalah dari masa ke semasa tidak boleh dielakkan, memandangkan hubungan kita yang erat dan sejarah yang kita kongsi bersama."

Goh berkata Singapura berharap Malaysia akan dapat mengatasi masalah

ekonominya secepat mungkin.
-- BERNAMA
THG WAT